

Headline	Keadilan Buat Pasangan HIV		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	08 Sep 2015	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	74	Readership	480,000
Language	Malay	ArticleSize	571 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,464
Frequency	Weekly	PR Value	RM 16,392



Motivasi



DR. HM TUAH  
ISKANDAR AL-HAJ  
www.drhuah.com  
Motivator

# Keadilan Buat Pasangan HIV

Orang kata, kalau dah cinta apa pun sanggup ditempuh. Sesiapa yang pernah bercinta akan setuju dengan kenyataan ini. Tetapi yang kerap menjadi persoalan, apakah kesanggupan berkorban itu kekal setelah berkahwin kelak? Untuk berkahwin, memang mereka yang sedang bercinta gila tadi sanggup menempuh apa saja, tetapi setelah berkahwin apakah kesanggupan ini turut kekal?

**K**alau anda tahu pasangan yang anda akan kahwini itu menghidap HIV, apakah anda akan teruskan juga perkahwinan? Kalau dah cinta-gila memang akan diteruskan juga, sedangkan tahu risiko yang terpaksa ditanggung. Cuba jika soalan ini diberikan kepada orang yang cintanya seadanya sahaja, tentu dia tidak akan sanggup.

Buktinya, dalam tempoh lima tahun kebelakangan, antara 18 dan 25 peratus penghidap HIV meneruskan perkahwinan mereka. Antara 2010 hingga 2014, 765 kes dicatatkan. - (Star 16 Jun 2015)

Meskipun sepatutnya mereka tidak meneruskan niat untuk berkahwin, kebanyakan mereka tetap meneruskannya.

Apakah tindakan ini bijak? Sudah tentu tidak kerana kita tidak disuruh mencampakkan diri pada kebinasaan. Tujuan ujian saring HIV dijadikan syarat pada pasangan-pasangan yang hendak berkahwin ialah supaya penyakit itu dapat dibendung untuk mewujudkan generasi yang lebih sihat sejahtera pada masa hadapan.

Pemeriksaan darah ini juga penting dalam usaha merancang pembinaan rumah tangga bahagia. Jika selepas menjalani ujian darah dan didapati pasangan bermasalah, tetapi dia mahu juga berkahwin mestilah seseorang itu benar-benar sanggup menerima kebaikan dan keburukan yang ada. Kesanggupan ini mestilah kekal

selamanya selagi hidup. Sekiranya berkahwin hanya kerana simpati, dikhuatiri simpati itu akan berubah benci apabila terpalit dengan penyakit yang sukar diubati nanti. Moga-moga perkahwinan serupa ini benar-benar didasarkan perasaan cinta suci yang sangat agung untuk menjadi penyelamat pada semua kemungkinan negatif.

Kita kagum pada pasangan terutama isteri yang masih setia dan sanggup berkongsi hidup dengan suami walaupun lelaki pilihannya itu dijangkiti penyakit sukar sembuh. Golongan yang mempunyai tahap kesabaran begini pastinya akan mendapat pahala yang besar di sisi ALLAH.

Namun, andainya kesabaran hanya dikaburi perasaan cinta sekarang, membuat pertimbangan yang sewajarnya patut diberi keutamaan. Islam membenarkan kita merisik tentang bakal suami atau isteri.

Rasulullah s.a.w bersabda, "Seorang wanita dinikahi kerana empat sebab, kerana hartanya, kedudukannya, kecantikannya dan sebab agamanya, maka pilihlah yang beragama, engkau pasti bahagia." - (Muslim)

Walaupun hadis ini merujuk kepada calon isteri tetapi ia juga boleh diguna pakai dalam pencarian bakal suami.

Di antara petunjuk sifat wanita yang baik ialah mempunyai keturunan yang sihat. Dengan kata lain, kalau boleh kita cuba mengelak daripada mengahwini orang yang dijangkiti HIV/AIDS.

Apa yang dibimbangkan ialah apabila sudah berumah tangga timbul rasa menyesal mengapalah aku tidak dengar nasihat orang dulu.

Dalam Islam, jika perempuan itu masih gadis, maka wali mujbir iaitu bapanya boleh tidak bersetuju menikahkan anak

perempuannya jika merasakan anaknya dalam bahaya akibat pernikahan tersebut.

Perkahwinan sebegini risikonya amat tinggi. Sebab itu pasangan suami dan isteri perlu tahu tentang kemungkinan dijangkiti AIDS atau bagaimana boleh mengelak zuriat mereka mewarisi penyakit tersebut.

Mana-mana individu yang terhalang berkahwin oleh masalah begini, moga tidak menyalahkan pihak berkuasa atau mana-mana pihak yang terbabit kerana peraturan tidak lebih daripada hendak memastikan kesejahteraan, bukan sahaja pada pasangan tetapi seluruh keturunan dan masyarakat.

Namun, andainya masih berkeras, tiada undang-undang yang dapat menghalang tetapi harus sebenar-benarnya bersedia.

Adakah anda yang saya maksudkan? Jika ya, mulailah langkah dengan mempelajari agama secara bersungguh kerana hanya itu yang boleh menjadikan anda terus bermotivasi tinggi untuk perkahwinan yang memang diketahui berisiko tinggi. Boleh? *AM*

## DAPATKAN YANG TERBARU DARI DR. HM TUAH ISKANDAR.

Ingin memiliki buku-buku ini? Kirimkan wang/wangpos atau cek bernilai (harga buku + kos RM5 senaskah) dan sertakan nama, alamat, nombor telefon serta e-mel atas nama KARANGKRAF MALL SDN. BHD.

Hantarkan kepada:  
Unit Langganan, P/S 7041,  
Pejabat Pos Besar Shah Alam,  
40700 Shah Alam, Selangor.  
Rel: 03-51017480 / 81 / 78  
Faks: 03-51017483 HP: 019-3310102

